# CUKAI KEUNTUNGAN HARTA TANAH (CKHT)

LHDNM-R/014/10

LHDN MALAYSIA

**Bersama Membangun Negara**




## Pengenalan

Cukai Keuntungan Harta Tanah (CKHT) ialah cukai yang dikenakan atas keuntungan daripada pelupusan / penjualan hartanah atau saham dalam Syarikat Harta Tanah (SHT)

## Pengemukaan Borang CKHT

| Perkara | Sebelum 1 April 2007 | Mulai 1 Januari 2010 |
|---|---|---|
| Pelupus/Penjual<br>i. Harta tanah<br>ii. Syer dalam SHT | CKHT 1<br>CKHT 1 | CKHT 1A<br>CKHT 1B |
| Pemeroleh/Pembeli<br>i. Harta tanah<br>ii. Syer dalam SHT | CKHT 2<br>CKHT 2 | CKHT 2A<br>CKHT 2A |

Hantar Borang CKHT ke cawangan LHDNM di mana fail pelupus dikendalikan dalam tempoh 60 hari dari tarikh pelupusan

## Sertakan Dokumen Berikut

- Salinan Perjanjian Jual dan Beli (S&P)
- Borang Pemindahan Saham (Borang 32A) dan Borang Pengagihan Saham (Borang 24)
- Salinan Surat Hakmilik (jika ada) / Borang Pindahmilik (KTN14A)
- Resit bayaran perbelanjaan/kos sampingan

## Remitan

Pembeli dikehendaki meremit 2% daripada harga balasan atau kesemua wang (yang mana lebih rendah) kepada LHDNM dalam tempoh 60 hari daripada tarikh pelupusan. Bagi pelupusan yang tidak dikenakan CKHT, pelupus boleh mengisi borang CKHT 3 supaya remitan 2% tidak perlu dibuat

## Pelupusan Yang Tidak Dikenakan CKHT

- Pelupusan yang dibuat selepas 5 tahun dari tarikh perolehan harta tersebut
- Pemberian atas dasar kasih sayang/pemindahan di antara:
  - Suami dan isteri
  - Ibubapa dan anak
  - Datuk/nenek dan cucu
- Keuntungan jualan rumah kediaman sekali seumur hidup bagi warganegara atau pemastautin tetap (pengecualian ini perlu dipohon dengan mengisi borang pilihan pengecualian)

## Kadar Cukai CKHT

Mulai 1 Januari 2010, CKHT dikenakan pada kadar 5% secara efektif atas keuntungan daripada pelupusan hartanah atau saham dalam syarikat hartanah yang dibuat dalam tempoh 5 tahun dari tarikh pemerolehan

## Kemudahan Bayaran CKHT

- Kaunter bayaran LHDNM
- CIMB Bank
- Public Bank
- Maybank
- EON Bank
- Perkhidmatan e-Bayaran di laman web LHDNM: *www.hasil.gov.my*

***www.hasil.gov.my***

**1-300-88-3010**


**Penafian**

Risalah ini diterbitkan untuk maklumat am sahaja. Ia tidak mengandungi nasihat muktamad atau maklumat lengkap mengenai sesuatu tajuk tersebut dan tidak seharusnya digunakan sebagai rujukan perundangan